SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 10 TAHUN 2002
(TAMBAHAN KEENAM SPP BIL. 2 TAHUN 1995)

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,
YB Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,
Ketua-ketua Badan Berkanun Persekutuan,
Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan,
Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan.

KEMUDAHAN BAYARAN WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR KERJA, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai syarat-syarat dan kadar bayaran pendahuluan kepada kontraktor kerja, bekalan dan perkhidmatan seperti berikut:

a) Perolehan Kerja

i) Sehingga 25% daripada nilai kerja pembina (builder's work) atau maksimum RM10 juta mengikut mana yang lebih rendah bagi pendahuluan kepada kontraktor utama.

ii) Sehingga 20% daripada nilai pakej kerja atau maksimum RM5 juta mengikut mana yang lebih rendah bagi pendahuluan kepada Nominated Sub Contractor (NSC).

b) Perolehan Bekalan

i) Sehingga 25% daripada nilai keseluruhan kontrak atau maksimum RM10 juta mengikut mana yang lebih rendah bagi pendahuluan kepada pembuat tempatan atau pembekal tempatan.

c) Perolehan Perkhidmatan

Tidak berubah iaitu sehingga 15% daripada nilai kontrak atau maksimum RM5 juta mengikut mana yang lebih rendah bagi pendahuluan kepada pembekal perkhidmatan tempatan kecuali perkhidmatan perunding.

Kemudahan bayaran pendahuluan di atas tidak terpakai kepada urusan perolehan yang dibuat secara berpusat oleh mana-mana agensi Kerajaan.

Syarat-syarat Bayaran Pendahuluan

2. Bagi mendapat kemudahan bayaran pendahuluan, setiap pembekal/kontraktor dikehendaki mengadakan satu jaminan bagi jumlah yang sama nilainya dengan bayaran pendahuluan yang dikehendaki. Jaminan tersebut boleh dikemukakan dalam bentuk-bentuk berikut:

(i) Jaminan Bank yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau

(ii) Jaminan Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat kewangan berlesen di bawah Akta bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau

(iii) Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Insurans 1996 yang beroperasi di Malaysia; atau

(iv) Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983; atau

(v) Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Takaful 1984; atau

(vi) Jaminan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB).

3. Jaminan bagi kontraktor utama dan Nominated Sub-Contractor hendaklah dibuat secara berasingan dan mengikut nilai yang ditetapkan.

4. Bayaran balik pendahuluan hendaklah dibuat melalui potongan ke atas bayaran kemajuan mengikut peringkat kerja atau mengikut peringkat bekalan yang telah disempurnakan.

5. Bagi projek kerja, Pegawai Penguasa hendaklah mempastikan potongan bagi bayaran pendahuluan dapat diselesaikan selewat-selewatnya semasa projek siap pada tahap 75%. Bagi kontrak bekalan/perkhidmatan, Pentadbir Kontrak hendaklah mempastikan potongan bagi bayaran pendahuluan dapat diselesaikan selewat-lewatnya melalui bayaran terakhir setelah semua bekalan/perkhidmatan disempurnakan dengan sepenuhnya.

6. Syarat-syarat bayaran pendahuluan seperti di atas hendaklah dimasukkan ke dalam syarat-syarat kontrak. Syarat-syarat lain bagi mendapatkan kemudahan bayaran pendahuluan ini adalah sama seperti di para 15.6 dan 15.7 SPP Bil. 2 Tahun 1995 dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

7. Dengan berkuatkuasanya SPP ini, para 15.7.1.1, 15.7.1.5, 15.7.1.7, 15.7.2.1, 15.7.2.2 dan 15.7.2.6 dalam SPP Bil. 2 Tahun 1995 dibatalkan. SPP Bil. 10 Tahun 2001 dan SPP Bil. 13 Tahun 2001 dibatalkan.

8. SPP ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
Saya yang menurut perintah,

(**Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam**)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

27 Julai 2002

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua YB Pegawai Kewangan Negeri.